

PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN KESATUAN PENGHULU/PENGGAWA  
SEMENANJUNG MALAYSIA  
DEWAN BUNGA TANJUNG HOTEL INTERNATIONAL, KUALA LUMPUR, 1

NOVEMBER 1981

Bismillahi rahmanir rahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kesatuan Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia yang telah sudi menjemput saya ke Persidangan Perwakilan Tahunannya kali ini dan memberi penghormatan kepada saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan Persidangan.

2. Semenjak kemerdekaan, usaha-usaha pembangunan di negara kita telah berjalan dengan pesatnya. Sistem politik dan pentadbiran selepas Merdeka telah membawa pembangunan dan perubahan yang besar kepada bidang sosial dan ekonomi, perhubungan antara individu dengan individu berubah, selera dan kehendak rakyat juga berubah. Peranan penghulu juga turut berubah. Kalau pada zaman dahulu penghulu merupakan satu-satunya tempat untuk anak-anak buah berlindung, mendapat nasihat dan kata pemutus, peranan penghulu sekarang sudah menjadi lebih luas dan tanggungjawab serta tugas mereka telah meliputi berbagai-bagai aspek pembangunan.

3. Untuk mengisi dan memberi erti kepada kemerdekaan Kerajaan telah menumpukan perhatian kepada program dan projek yang dapat membawa kemakmuran kepada rakyat dan negara. Dasar Ekonomi Baru merupakan satu peringkat yang penting di dalam pembangunan negara kerana Dasar ini berlandaskan kepada falsafah pembangunan dalam konteks kesan-kesan sejarah dan suasana masyarakat berbilang kaum. Di samping memberi keutamaan kepada aspek ekonomi atau pembangunan fizikal kita juga mementingkan aspek kerohanian. Tujuan kita ialah untuk memperbaiki kualiti hidup, kedua-duanya bagi tujuan dunia dan akhirat, yang mana memerlukan aspek-aspek kebendaan dan juga kerohanian.

4. Pelaksanaan pembangunan yang berkesan, sebagaimana saudara-saudara maklum adalah satu perkara yang mudah diperkatakan tetapi payah dilaksanakan lebih-lebih lagi kerana pembangunan itu sendiri adalah untuk manusia dan melibatkan manusia. Orang-orang yang akan membangunkan dan mereka yang hendak dibangunkan mestilah faham akan maksud serta proses pembangunan supaya pembangunan akan memberi faedah yang sebenar-benarnya. Nilai-

nilai hidup yang berbeza serta keadaan sosio-ekonomi masyarakat adalah merupakan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi jaya atau tidaknya pembangunan.

5. Penghulu adalah orang yang paling rapat dengan orang-orang yang hendak dibangunkan. Di sinilah letaknya peranan penghulu sebagai orang perantaraan di antara Kerajaan dengan rakyat. Penghulu hendaklah memahami dengan sejelas-jelasnya tentang corak, bentuk dan aspirasi masyarakat setempat. Ia mestilah berdamping rapat dengan masyarakat di bawah tadbirannya kerana dengan cara demikianlah ia dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan. Dengan cara ini juga penghulu akan dapat memahami tentang keadaan, kehendak dan perangai masyarakat yang didampingi dan memberi kepimpinan kepada mereka. Perhubungan demikian pasti dapat meningkatkan lagi penglibatan rakyat di dalam pembangunan dan penerimaan rakyat terhadap sesuatu program atau projek.

6. Kejayaan pelaksanaan pembangunan bergantung kepada penglibatan semua pihak. Tiap-tiap seorang daripada kita mempunyai peranannya masing-masing. Sekiranya tiap-tiap seorang daripada kita faham dan menjalankan tanggungjawab dengan jujur, dedikasi dan sanggup berkorban untuk negara maka negara kita sudah pasti akan bertambah maju lagi. Kita mestilah bekerja kuat di samping memperbaiki kecekapan dan meningkatkan daya pengeluaran masing-masing. Sumber-sumber alam yang masih banyak terbiar atau tidak digunakan dengan sepenuhnya mestilah dipergunakan dengan cara yang lebih berkesan dan menguntungkan. Sebagai penjawat awam yang berdamping rapat dengan rakyat di kampung-kampung, penghulu boleh dengan daya usahanya sendiri menarik minat dan memberi semangat kepada penduduk-penduduk di luar bandar supaya melibatkan diri dalam usaha pembangunan dengan lebih gigih lagi.

7. Menggerakkan tenaga masyarakat tempatan, khususnya penduduk-penduduk di luar bandar, memang merupakan satu perkara yang rumit. Masalah ini, saya rasa, dapat diatasi sekiranya penghulu sendiri menunjuk tauladan dengan bekerja kuat dan mempamirkan sifat inginkan kejayaan kepada masyarakat sekeliling. Penghulu hendaklah cuba mepelopori kegiatan-kegiatan yang mendatangkan faedah kepada masyarakat. Tiap-tiap kejayaan akan menjadi perangsang kepada masyarakat setempat. Sebagai pentadbir di peringkat mukim penghulu merupakan pusat pemerhatian masyarakat setempat. Oleh itu penghulu hendaklah sentiasa mepelopori perangai yang bersih dari segala amalan yang tidak baik seperti penglibatan dengan rasuah dan sebagainya. Penghulu hendaklah sentiasa jujur dan menjadi pembimbing kepada anak-anak buahnya.

Seperti yang saya sebutkan penghulu sebagai pentadbir mukim, hendaklah berusaha memahami tentang kegiatan-kegiatan Jabatan-jabatan Kerajaan yang terdapat di daerah mereka kerana jabatan-jabatan ini adalah secara langsung bertanggungjawab terhadap pembangunan. Hubungan erat dan persefahaman penghulu dengan rakyat dan jabatan akan menjadi landasan untuk mempercepatkan proses pembangunan.

8. Walaupun kita dapat berbangga dengan kestabilan negara dan kemakmuran yang kita capai kita tidak harus lupa bahawa kita sentiasa menjadi sasaran anasir jahat yang ingin melihat pecah-belah di kalangan rakyat dan huru-hara kepada negara. Alhamdulillah, hingga kini kita dapat mematahkan ancaman dan cabaran musuh-musuh negara dengan kerjasama dan sokongan semua pihak. Sebagaimana tuan-tuan maklum, untuk menjamin proses pembangunan berjalan dengan lancar dan jayanya, rancangan pembangunan kita juga memberi perhatian yang wajar kepada masalah keselamatan dan pertahanan negara. Kita hendaklah sentiasa sedar bahawa masalah pembangunan adalah merupakan masalah keselamatan. Jika sekiranya keselamatan negara terjejas pembangunan juga akan terjejas. Ketenteraman dan keamanan yang wujud semestinyalah kita pertahan dan kekalkan. Dalam hubungan ini, penghulu hendaklah sensitif terhadap tindak-tanduk anasir-anasir jahat yang cuba mempengaruhi, memperlambat dan meracuni fikiran orang-orang kampung demi untuk mencapai tujuan jahat mereka. Penghulu hendaklah menjadi orang perantaraan, iaitu sebagai "mata dan telinga", Kerajaan. Jika kegiatan anasir jahat ini dapat dikesan dari akar umbi lagi maka ini dapat memudahkan Kerajaan mengawal dan mematahkan usaha jahat anasir-anasir tersebut.

9. Sejak dahulu hingga sekarang suasana tenteram dan aman yang terdapat di kalangan masyarakat Melayu khususnya bolehlah dibanggakan. Perpaduan yang wujud di kalangan orang-orang Melayu bukan sahaja dapat membantu Kerajaan meningkatkan kesejahteraan hidup di negara ini malah membantu menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Perpaduan di kalangan orang-orang Melayu perlu dan boleh dipertingkatkan lagi dengan dorongan dan dayausaha pihak-pihak tertentu termasuk penghulu. Untuk mencapai perpaduan yang lebih erat ini, penghulu hendaklah sentiasa berdamping rapat dan melibatkan diri secara aktif di dalam semua kegiatan masyarakat setempat. Kehadiran dan penglibatan penghulu di dalam kegiatan masyarakat setempat bukan sahaja memberi perangsang malah menjadi faktor pengikat untuk meningkatkan perpaduan masyarakat di peringkat mukim. Perpaduan dan keamanan di kalangan masyarakat Melayu di peringkat mukim adalah merupakan asas bagi perpaduan negara seluruhnya. Dalam hal ini,

penghulu hendaklah sentiasa bijak dan sentiasa mengkaji tentang kehadiran dan penglibatan golongan-golongan yang boleh menimbulkan perpecahan di kalangan rakyat. Kehadiran penghulu hendaklah dapat menimbulkan kesedaran untuk bersatupadu. Perpaduan yang wujud hendaklah sentiasa diawasi supaya ianya tidak digugat oleh fahaman dan hasrat mana-mana parti politik yang ingin memecah belahkan perpaduan dan menjejaskan keamanan.

10. Saya telah menyentuh beberapa perkara berhubung dengan penghulu dan pegawai yang dapat membantu mempercepatkan pencapaian matlamat dan dasar kerajaan dan negara. Tanggungjawab penghulu dan pegawai bukanlah terhad kepada bidang-bidang yang saya sebutkan di atas tadi. Banyak lagi bidang yang harus mendapat perhatian. Memanglah berat beban kerja dan tanggungjawab penghulu. Saya berharap penghulu dan pegawai sekalian menerimanya dengan penuh insaf dan tanggungjawab.

11. Saya percaya Persidangan Perwakilan ini akan memberi faedah bukan sahaja kepada golongan penghulu dan pegawai tetapi juga kepada negara. Kemajuan yang dicapai oleh penghulu akan menambahkan lagi keupayaan pihak Kerajaan untuk membangunkan negara. Saya mengucapkan kepada saudara-saudara sekalian selamat bersidang dan dengan ini juga merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Penghulu/Pegawai Semenanjung Malaysia yang ke Tujuh.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh